



Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan
National Pharmaceutical Control Bureau
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA

Ruj.Kami : (4) dlm.BPFK/30/12/05/1 Bahagian 3

Tarikh : 02 AUG 2012

SEMUA PEMEGANG PENDAFTARAN

**SEMUA PERSATUAN BERKENAAN
(SEPERTI SENARAI EDARAN)**

YBhg. Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan,

**ARAHAN PENGARAH KANAN PERKHIDMATAN FARMASI BILANGAN 1 TAHUN 2012:
LARANGAN AKTIVITI PENGILANGAN PRODUK MAKANAN / MINUMAN DALAM PREMIS
PENGILANGAN TRADISIONAL BERLESEN YANG DIKELUARKAN DI BAWAH PERATURAN
KAWALAN DADAH DAN KOSMETIK 1984**

Adalah saya merujuk kepada Arahan Bilangan 1 Tahun 2012 oleh Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi.

2. Dimaklumkan bahawa Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia dalam Arahan Bilangan 1 Tahun 2012 telah mengarahkan supaya aktiviti pengilangan produk makanan / minuman dalam premis pengilangan tradisional berlesen adalah dilarang sepertimana surat arahan Bil. (3) dlm. BPFK/30/12/05/1 Bahagian 3 (dilampirkan).
3. Pihak yang berkenaan adalah diarahkan untuk mematuhi keperluan tersebut.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,


(TAN ANN LING)

Pengarah Regulatori Farmasi
Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan
Kementerian Kesihatan Malaysia

- s.k. Pengarah Amalan dan Perkembangan Farmasi, BPF
Pengarah Penguatkuasa Farmasi, BPF
Timbalan Pengarah Pusat Komplians dan Pelesenan, BPFK
Timbalan Pengarah Pusat Pendaftaran Produk, BPFK
Timbalan Pengarah Pusat Pasca Pendaftaran Produk, BPFK
Timbalan Pengarah Pusat Kawalan Kualiti, BPFK



ARAHAN DI BAWAH PERATURAN 29
PERATURAN-PERATURAN KAWALAN DADAH DAN KOSMETIK 1984

BILANGAN 1 TAHUN 2012

LARANGAN AKTIVITI PENGILANGAN PRODUK MAKANAN / MINUMAN DALAM PREMIS PENGILANGAN PRODUK TRADISIONAL BERLESEN YANG DIKELUARKAN DI BAWAH PERATURAN 12 PERATURAN-PERATURAN KAWALAN DADAH DAN KOSMETIK 1984

TUJUAN

1. Arahan ini dikeluarkan oleh Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi di bawah Peraturan 29 Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984.
2. Arahan ini bertujuan untuk melarang aktiviti pengilangan produk makanan / minuman dalam premis pengilangan produk tradisional berlesen.

PELAKSANAAN DAN TARIKH KUAT KUASA

1. Arahan ini ditujukan kepada pengilang berlesen supaya tidak mengilangkan produk makanan / minuman dalam premis pengilangan produk tradisional berlesen.
2. Pengecualian boleh diberikan dengan kelulusan Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi.
3. Arahan ini adalah **berkuat kuasa 6 bulan** dari tarikh surat ini dikeluarkan. Kegagalan mematuhi arahan ini adalah satu kesalahan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

(DATO' EISAH BT A. RAHMAN)
Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia

s.k.

Pengarah Amalan dan Perkembangan Farmasi
Pengarah Penguatkuasa Farmasi
Pengarah Regulatori Farmasi